

Siaran Akhbar
24 September 2021

EKUINAS MELANCARKAN *ILTIZAM EMP IHSAN* UNTUK MENGHULUR BANTUAN KEPADA PERNIAGAAN MIKRO DAN KECIL YANG TERKESAN AKIBAT COVID-19

Kuala Lumpur, 24 September 2021: Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas), menerusi cabang Tanggungjawab Sosial Korporatnya, **ILTIZAM**, telah mengumumkan penubuhan **ILTIZAM EMP Ihsan** hari ini dengan komitmen berjumlah RM10.0 juta. Di bawah teras Keusahawanan **ILTIZAM**, yang dikenali sebagai Program Mentor Keusahawanan (Entrepreneur Mentorship Programme atau EMP), **ILTIZAM EMP Ihsan** berhasrat untuk membantu perniagaan mikro dan kecil yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

Ekuinas akan tampil memberi bantuan kepada perniagaan yang terjejas melalui kerjasama dengan semua entiti pengurusan zakat di seluruh negara. Kriteria kelayakan tertentu yang ditetapkan adalah seperti berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia, majlis perbandaran atau ketua komuniti dan dimiliki oleh usahawan daripada golongan B40. Entiti-entiti yang terbabit akan menyalurkan dana kepada penerima melalui tiga fasa, bermula dengan pengagihan keseluruhan sebanyak RM3.0 juta bagi Fasa 1 kepada tiga entiti iaitu Teraju Ekonomi Asnaf Sdn Bhd (TERAS) bagi negeri Selangor, Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman dan Zakat Pulau Pinang.

Majlis pelancaran secara maya telah dihadiri oleh Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda, Pengerusi Ekuinas, Tan Sri Dr. Rahamat Bivi Yusoff, Pengerusi, Jawatankuasa CSR Ekuinas, dan Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir, Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas. Turut hadir ialah Nurhani Salwa Binti Jamaluddin, Timbalan Setiausaha Operasi Majlis Agama Islam Selangor, Dato' Haji Ibrahim Md Yusof, Pengerusi TERAS, Syeikh Zakaria Othman, Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman, Amran Hazali, Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Pulau Pinang, dan juga wakil-wakil entiti dari Kelantan, Perak, Sarawak dan Wilayah Persekutuan.

Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir, Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas berkata, "Sekatan pergerakan berpanjangan akibat pandemik telah memberi kesan kepada kita semua terutamanya perniagaan mikro dan kecil kerana kehilangan begitu ramai pelanggan atau

langsung tidak dapat beroperasi. Oleh sebab itu, banyak perniagaan menghadapi cabaran untuk mengekalkan sumber pendapatan. Malah, ada yang sudah hampir menggulung tikar. Kami berharap sokongan kewangan yang kami tawarkan akan dapat membantu pemilik-pemilik perniagaan mengatasi kekangan perniagaan untuk membolehkan peniaga-peniaga ini bangkit semula apabila keadaan bertambah baik.”

Sepanjang pelaksanaan **ILTIZAM EMP Ihsan** dalam tempoh lapan bulan akan datang, Ekuinas akan memberikan bantuan kewangan sekali beri (*one-off*) sebanyak RM2,000 kepada setiap perniagaan sebagai modal kerja, modal untuk menceburi bidang baharu, dan juga untuk perbelanjaan operasi seperti sewa, gaji dan utiliti.

Di samping itu, Ekuinas juga menggariskan rangka kerja tadbir urus untuk pelaksanaan program ini, seperti yang dipersetujui dengan entiti-entiti pengurusan zakat, demi keberkesanan pengurusan dan pelaksanaan dana, semakan bulanan dan pemantauan status perniagaan tersebut akan dipantau secara berperingkat. Matlamatnya ialah untuk membina bagi memastikan kualiti dan mencapai keputusan yang dikehendaki.

“Secara asasnya, komitmen kami adalah kepada masyarakat dan komuniti, dan kami akan terus memanfaatkan sepenuhnya usaha kami menerusi **ILTIZAM** dengan menyediakan bantuan untuk mendorong dan mewujudkan kesan limpahan positif kepada masyarakat terbabit, yang menjadi pemangkin bagi ekosistem perniagaan tempatan kembali berkembang maju. Kami yakin bahawa usaha dan inisiatif untuk membina semula ekonomi bukan sahaja patut dipikul oleh kerajaan dan kami menggalakkan semua pihak untuk memainkan peranan masing-masing dalam pemulihan negara. Dalam hal ini, bagi pihak Ekuinas, saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua entiti pengurusan zakat yang telah bersetuju untuk turut menjadi rakan kongsi program kami,” rumus Syed Yasir Arafat.

Sepanjang penularan pandemik COVID-19 pada tahun 2020, Ekuinas mengumumkan peruntukan berjumlah RM10.0 juta untuk membantu hospital, petugas perubatan barisan hadapan, keluarga dan masyarakat yang terkesan, perniagaan kecil dan sederhana dan juga kakitangan syarikat-syarikat portfolio yang layak menerusi *Dana Ihsan COVID-19 ILTIZAM*. **ILTIZAM EMP Ihsan** adalah kesinambungan komitmen Ekuinas untuk menyokong komuniti yang terkesan akibat pandemik.

Ekuinas tetap komited untuk berbakti kepada masyarakat, terutamanya mereka yang memerlukan, untuk meringankan beban mereka. Dalam jangka masa panjang, Ekuinas akan terus memainkan peranan dalam menyokong pertumbuhan ekosistem perniagaan keseluruhan di Malaysia, termasuk membolehkan perniagaan mikro tempatan menjana pendapatan mampan dan seterusnya mencipta kekayaan Bumiputera.

ILTIZAM EMP Ihsan adalah program yang ditubuhkan di bawah teras Keusahawanan ILTIZAM bersama dua program sedia ada iaitu *EMP Direct* dan *EMP Collaboration*. Program ini bertujuan untuk membina kemahiran dan membantu perniagaan mikro dan kecil Bumiputera di seluruh negara untuk meningkatkan potensi dan mengukuhkan daya tahan perniagaan. Ekuinas berharap untuk mewujudkan lebih banyak program di bawah ILTIZAM EMP agar dapat membantu lebih ramai usahawan yang layak.

Pemilik perniagaan yang berminat boleh mendapatkan maklumat lanjut tentang cara memohon ILTIZAM EMP Ihsan dengan menghubungi entiti-entiti pengurusan zakat negeri masing-masing.

-Tamat-

Mengenai Ekuiti Nasional Berhad

Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) ialah syarikat ekuiti persendirian berkaitan kerajaan yang ditubuhkan dengan matlamat membina syarikat-syarikat generasi akan datang Malaysia sambil menggalakkan penciptaan kekayaan dan penyertaan ekonomi Bumiputera yang saksama dan mampan. Objektif utama Ekuinas ialah menjana nilai kewangan atas pelaburan untuk memastikan objektif sosial dicapai dengan cara yang mampan. Setakat ini, Ekuinas telah membuat pelaburan dalam lebih 40 syarikat Malaysia berpotensi tinggi yang terlibat dalam sektor sasaran teras Ekuinas, iaitu pendidikan, barangan pengguna laris, minyak dan gas, runcit, penjagaan kesihatan dan perkhidmatan. Ekuinas telah dipilih sebagai satu daripada 3 Firma Terbaik Asia Tenggara oleh Anugerah Ekuiti Persendirian Antarabangsa (PEI) bagi tahun 2018 dan 2019.

Untuk pertanyaan media:

Lok Ru Jun
Klareco Communications
M: +6012-325 6949
E: RLok@klarecocomms.com

Ilman Ariffin
Klareco Communications
M: +6012-912 6949
E: IAriffin@klarecocomms.com